

Pindaan: Kerajaan tidak berganjak

U.M. 27 JAN 1993

KUALA LUMPUR 26 Jan. — Kerajaan tidak akan berganjak daripada pendiriannya mengenai pindaan perlembagaan bagi menghapuskan imuniti raja-raja sebagaimana yang telah diluluskan oleh Parlimen Rabu lepas.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebarang kompromi dalam isu pindaan perlembagaan itu tidak akan sesekali mengorbankan prinsip-prinsip yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

"Kita tidak boleh berkompromi dalam soal-soal yang membolehkan raja-raja terus melakukan je-

nayah atau memukul orang tanpa perlu dihadapkan ke mahkamah," kata Presiden UMNO itu kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) parti tersebut di Bangunan UMNO di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian sebagai mengulas sama ada kerajaan bercadang untuk berkompromi dengan Majlis Raja-Raja sebagaimana yang telah dilakukan dalam isu pindaan perlembagaan pada tahun 1983.

Menurutnya, rang undang-undang pindaan perlembagaan yang diluluskan pada minggu lalu

LIHAT MUKA 2

Pindaan: Kerajaan tidak berganjak

sepatutnya sudah disampaikan kepada Yang di-Pertuan Agong bagi pertimbangan seterusnya.

Bagaimanapun, kata beliau, terpulanglah kepada Parlimen untuk menyerahkan rang undang-undang itu kepada Seri Paduka kerana itu adalah tugas Parlimen.

Mengenai laporan yang menyatakan raja-raja akan mencabar kesahihan pindaan perlembagaan itu di mahkamah, Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu mengenai perkara itu tetapi terpulanglah kepada raja-raja untuk berbuat demikian kerana itu adalah hak mereka.

"Kalau itu hak mereka (raja-raja), mereka boleh ambil tindakan asalkan mengikut undang-undang dan perlembagaan.

Kepada satu soalan, beliau menjelaskan, terpulanglah kepada raja-raja jika mereka mahu mengambil peguam Queen's Counsel sekiranya itu dibenarkan dalam peraturan.

Ditanya mengenai agenda mesyuarat MT UMNO hari ini, katanya, MT menyokong penuh langkah kerajaan menarik balik segala kemudahan dan keistimewaan raja-raja yang tidak termasuk dalam perlembagaan.

"Ini juga adalah arahan yang telah dibuat oleh Kerajaan Pusat bagi diselesaikan oleh kerajaan negeri," katanya lagi.

Beliau mengakui bahawa amalan memberi keistimewaan yang berlebihan kepada raja-raja telah lama menjadi perhatian UMNO dan rakyat.

"Kita telah cuba menolak tuntutan-tuntutan yang di luar daripada hak raja-raja dengan tertib, malangnya ini tidak berkesan hingga imuniti itu dilanjutkan kepada anak-

anak mereka sehinggalah mereka buat salah pun tidak diambil tindakan," kata Dr. Mahathir.

Dalam hal ini, beliau menjelaskan, dulu kerajaan terus memberi keistimewaan itu kerana tidak mahu hubungan kerajaan dengan raja-raja tegang.

"Tetapi oleh kerana raja-raja kini berpegang kepada undang-undang, kita putuskan untuk menghentikan segala layanan yang di luar daripada undang-undang.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir menafikan bahawa hubungan kerajaan dengan istana telah diputuskan sama sekali sejak Majlis Raja-Raja menolak pindaan itu.

"Kita akan ada hubungan dengan raja-raja mengikut apa yang diperuntukkan saja," tambahnya.

Mengenai kes Tunku Abdul Majid Idris yang dibebaskan daripada tuduhan sengaja mendaatkan cedera ke atas penjaga gol hoki Perak hari ini, Dr. Mahathir berkata, kalau ini adalah amalan biasa mahkamah, kerajaan tidak ada bantahan.

Katanya, kerajaan berpegang kepada mahkamah dan menaruh kepercayaan kepada institusi itu.

Ditanya adakah lawatan ke seluruh negara akan diadakan bagi menerangkan isu pindaan perlembagaan itu, kata Perdana Menteri, tidak ada rancangan untuk berbuat demikian.

"Kalau dijemput ke sesuatu majlis, saya akan jelaskan isu itu," katanya.

Mengenai imuniti diplomatik yang diberikan kepada anak-anak raja, kata Dr. Mahathir, kerajaan akan menentukan sama ada mereka berhak atau tidak mendapat imuniti diplomatik itu.